

Headline	Jual dulu unit bukan Bumiputera
MediaTitle	Sinar Harian (Johor)
Date	20 May 2017
Section	News
Page No	48
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



# Jual dulu unit bukan Bumiputera

Kerajaan negeri laksana dasar baharu permohonan pelepasan lot Bumiputera berkuat kuasa serta merta

KLUANG - Pemaju perumahan di negeri ini diwajibkan menjual terlebih dahulu lot rumah unit bukan Bumiputera sebelum membuat permohonan pelepasan unit Bumiputera.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Md Jais Sarday berkata, dasar baharu yang dicadangkan Jawatankuasa Panel Penasihat Perumahan itu berkuat kuasa serta-merta.

Menurutnya, ia adalah antara salah satu daripada 10 penambahbaikan dari segi kaedah permohonan pelepasan lot Bumiputera yang dibentangkan kepada kerajaan dan akan dilaksanakan kerajaan negeri.

"Antara kaedah permohonan yang ditambah baik dan wajib dipatuhi pemaju perumahan ialah tempoh permohonan pelepasan oleh pemaju mestilah 12 bulan dari tarikh duti setem perjanjian tambahan antara pemaju dan kerajaan negeri.

"Permohonan pelepasan

hanya boleh dibuat setelah kemajuan fizikal di tapak projek mencapai 70 peratus berbanding sebelum ini hanya 50 peratus," katanya dalam sidang media selepas mengadakan lawatan ke projek perumahan KSL Taman Mengkibol, Kluang, dekat sini, semalam.

Mac lalu, kerajaan negeri menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji pelaksanaan prosedur perumahan negeri Johor khususnya untuk pelepasan kuota unit Bumiputera.

Dalam pada itu, Md Jais berkata, kerajaan negeri juga menetapkan garis panduan iklan baharu, serta mewajibkan pemaju mengiklankan unit rumah mereka di Portal Hartanah di Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor Bahagian Perumahan dalam tempoh sembilan bulan.


Beliau berkata, pemaju perumahan juga boleh memohon pelepasan kali kedua hanya selepas tempoh enam bulan tarikh permohonan pertama dibuat.

Menurutnya, kaedah baharu itu juga memperkenalkan pengelasan harga bagi setiap unit yang dipohon untuk pelepasan.

"Setiap permohonan perlu dibawa ke peringkat Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk dipraktikkan. Sebelum ini hanya di peringkat Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan.

"Sekiranya pemaju gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, permohonan akan ditolak di peringkat SUK Perumahan," katanya.

Md Jais berkata, pemaju yang memohon untuk pelepasan lot Bumiputera juga akan dikenakan bayaran sumbangan pada kadar 7.5 peratus tanpa sebarang diskaun.



● Pemaju diwajibkan menjual dahulu unit perumahan bukan Bumiputera sebelum membuat permohonan pelepasan lot Bumiputera



Md Jais (kiri) ketika sidang media selepas mengadakan lawatan ke projek perumahan KSL Taman Mengkibol, semalam.